



Malay ▾



taip untuk carian

AM

Digitalisasi Cukai Mudahkan Urusan Pembayar, Tingkat Pematuhan – Hasil

🕒 05/06/2025 12:42 PM



Ketua Pegawai Sektor Operasi Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Marsidi Zelika (kanan) dan pengacara Ally Iskandar (kiri) pada Ruang Bicara mengulas mengenai "Digitalisasi Hasil : Memudahkan Urusan Pembayar Cukai" di Wisma Bernama hari ini.

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Inisiatif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dalam memacu transformasi digital secara menyeluruh akan mempermudah urusan pembayar cukai di seluruh negara sekali gus meningkatkan tahap pematuhan.

Ketua Pegawai Sektor Operasi Cukai HASiL Marsidi Zelika berkata transformasi digital yang sedang digerakkan bukan hanya tertumpu kepada migrasi perkhidmatan ke platform dalam talian semata-mata, malah melibatkan perubahan struktur kerja, minda dan strategi operasi untuk memastikan perkhidmatan percukaian yang lebih efisien dan mesra pengguna.



"Ia merangkumi sistem seperti MyTax, ByrHASiL, e-Filing dan kini e-Invois – semuanya diwujudkan bagi membolehkan pembayar cukai menguruskan hal ehwal cukai mereka secara pantas, mudah dan selamat tanpa perlu hadir ke kaunter," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Ruang Bicara terbitan Bernama TV malam tadi bertajuk "Digitalisasi HASiL: Memudahkan Urusan Pembayar Cukai".

Marsidi berkata sistem digital seperti e-Filing yang dilengkapi fungsi pengiraan automatik dan semakan akhir banyak membantu pengguna mengelakkan kesilapan lazim seperti pengiraan cukai yang salah serta data tidak lengkap.

"Fungsi integrasi data, pengesahan automatik dan penggunaan sistem yang berteraskan identiti tunggal melalui MyTax memastikan maklumat pembayar cukai adalah konsisten dan mudah dijejak," katanya sambil menambah bahawa sistem itu turut dihubungkan dengan maklumat Potongan Cukai Bulanan (PCB) daripada majikan.

Menyentuh mengenai inisiatif terbaharu, Marsidi berkata pelaksanaan e-Invois yang mula dikuatkuasakan secara berfasa sejak 1 Ogos 2024 mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai, khususnya golongan peniaga kecil dan sederhana.

"Hingga 4 Jun 2025, lebih 313.4 juta e-Invois telah direkodkan melibatkan 33,391 pembayar cukai. Ini jelas menunjukkan penerimaan yang sangat positif terhadap inisiatif digital ini," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan e-Invois bukan sekadar menggantikan invois bercetak, malah membuka peluang kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk menstruktur semula sistem perakaunan perniagaan mereka secara lebih sistematik dan berkesan.

Portal dan aplikasi MyInvois yang ditawarkan secara percuma membolehkan pengguna mengakses, menghantar dan menyimpan dokumen transaksi secara digital sekali gus mengurangkan risiko kehilangan dokumen dan mempercepat urusan pentadbiran.



Dalam usaha memastikan pematuhan terhadap sistem baharu ini, Marsidi berkata HASiL turut menyediakan pusat rujukan sehati melalui laman mikro e-Invois serta garis panduan, video tutorial dan meja bantuan e-Invois 24/7, selain kaunter e-Invois juga disediakan di semua pejabat HASiL bagi memudahkan pembayar cukai memahami dan melaksanakan sistem tersebut dengan lancar.

"Kami ingin menggalakkan pembayar cukai, khususnya PMKS supaya tidak menunggu saat akhir. Mula buat persediaan sekarang, akses semua panduan yang tersedia, dan jika ada kekeliruan, hubungi kami. HASiL sentiasa bersedia untuk membantu," katanya.

Marsidi menegaskan bahawa usaha digitalisasi yang dilaksanakan HASiL adalah selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Negara (MyDIGITAL) dan aspirasi kerajaan untuk memperkasakan sektor awam secara holistik melalui teknologi.

"Harapan kami adalah untuk membangunkan ekosistem perkhidmatan cukai yang berteraskan kemudahan, kepercayaan dan keselamatan. Fokus kami ialah menyediakan perkhidmatan tanpa sempadan yang boleh diakses dari mana-mana lokasi, pada bila-bila masa," katanya.

Marsidi turut menyeru semua pembayar cukai memanfaatkan sepenuhnya kemudahan digital yang disediakan dan menyokong usaha pendigitalan perkhidmatan awam.

"Gunakan MyTax, e-Filing dan MyInvois untuk memudahkan urusan anda. Sama-sama kita jayakan transformasi digital ini demi masa depan Malaysia yang lebih cekap dan telus," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9

